

04/11/2001

Segerakan CF: PM (HL)

Jamhariah Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan pelbagai pihak bertanggungjawab supaya mempercepatkan pengeluaran Sijil Layak Diduduki (CF) untuk rumah kediaman di Putrajaya yang menjadi pusat pentadbiran baru kerajaan persekutuan.

Perdana Menteri berkata, memang menghairankan apabila Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memberitahu hanya 28 pengundi tinggal di sini, sedangkan kawasan itu begitu banyak rumah sejak dibuka hampir dua tahun lalu.

"Saya berasa sunyi kerana masih tidak ramai penduduk di sini, walaupun ia sudah dibuka hampir dua tahun. Orang pertama duduk sini ialah KSN (bekas Ketua Setiausaha Negara) Tan Sri Halim Ali. Lepas Tan Sri Halim, saya penghuni yang kedua.

"Saya ingin sangat lihat Putrajaya ini ramai penduduk," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri acara Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Taman Wetland, di sini, semalam.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri di JPM, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin; Timbalan Menteri di JPM, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dan Setiausaha Parlimen di JPM, Datuk Khamsiah Yeop.

Beliau menolak kemungkinan ia adalah satu daripada kerenah birokrasi, tetapi menegaskan pihak bertanggungjawab perlu bertindak pantas dalam meluluskan CF di sini kerana ia membabitkan kemudahan untuk kakitangan pusat pentadbiran negara.

"Kita tahu di sini ada beribu-ribu rumah dibina, kalau nak periksa tiap-tiap satu rumah, ia akan memakan masa. Jadi macam 'high rise' (bangunan tinggi), ia ambil 'random sample' (contoh secara rambang) sajalah," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau mendapat tahu mengenai masalah CF apabila bertanya kepada pengiring khasnya mengapa beliau belum berpindah ke Putrajaya, sedangkan sudah membeli rumah di sini agak lama juga.

Dalam nada lebih serius, Perdana Menteri melahirkan perasaan hairan kerana perkara seumpama tidak sepatutnya berlaku, kerana beribu-ribu rumah sudah dibina.

"Saya tanya kenapa tak ada (penduduk)... kononnya tak dapat CF lagi. Ini pegawai kerajaan sendiri, bagi sijil sendirilah, apa yang lambat sangat," katanya dan disambut gelak ketawa.

Perdana Menteri berkata, penduduk di Putrajaya mempunyai peluang baik untuk berinteraksi sesama sendiri kerana tidak banyak negara mempunyai sebuah bandar pentadbiran seperti itu.

"Jadi saya harap lebih ramai akan pindah dan hilangkan suasana sunyi dan sepi di Putrajaya ini dan dengan itu kita boleh adakan bukan saja Hari Keluarga tetapi kita juga boleh menziarahi satu sama lain dan merapatkan hubungan sesama kita.

"Kita harus ada semangat berpasukan dalam segala yang kita uruskan dan adalah amat baik bagi kita untuk berkenalan sesama kita," katanya.

(END)